



Edisi 5 | 2025 | Bilangan 54 | Edaran Percuma

WADAH

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak

"Perjuangan Agama Berjalan di Sini
Lalu Kerja Jajaja
Misi Gas"
مجلس ائمة اسلام
دان عادت ملايو فراق



MAJLIS PENYERAHAN KELENGKAPAN PERNIAGAAN USAHAWAN PROGRAM PEMERKASAAN ASNAF (PROPER A) DAN PELANCARAN PROGRAM USAHAWAN PAYUNG ASNAF (UPAYA)



DARI DAPUR LATIHAN KE PENTAS GEMILANG,

BELIA ASNAF TVET MAIPK RAI PENGIKTIRAFAN TERTINGGI



MAIPK SANTUNI ASNAF DI KUALA KANGSAR DAN GERIK

Sidang Redaksi

PENASIHAT

Syamsul Hazeman bin Md Salleh
Ketua Pegawai Eksekutif

KETUA EDITOR

Munawir bin Mohamed Noh
Pengurus Besar Bahagian Komunikasi Strategik, Sekretariat & Adat Melayu

EDITOR

Norhidayu binti Sakdon
Pengurus Unit Komunikasi Strategik

Mohd Yakop bin Ikram
Penolong Pengurus Unit Komunikasi Strategik

JURUFOTO

Hamizul bin Othman
Pembantu Tadbir Unit Komunikasi Strategik

Nurul Farzana binti Ahmad Shah
Pembantu Tadbir Unit Komunikasi Strategik

Amirul Khalid bin Ahmad
Pembantu Tadbir Unit Sekretariat

EDARAN

Unit Komunikasi Strategik

Edisi 5 | 2025 | Bil. 54

Wadah

DITERBITKAN OLEH:

Unit Komunikasi Strategik
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak,
Tingkat 6, Kompleks Islam Darul Ridzuan,
30000 Ipoh, Perak.
Tel: 05-2084000 Faks: 05-2414257

Laman web: www.maipk.gov.my
<https://wakafperak.gov.my/>

Emel: korporat@maipk.gov.my

Facebook: Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak

Instagram : ZakatPerak_Official

Tiktok : MajlisAgamaislamPerak

Isi Kandungan

Sidang Redaksi	2
Semasa	3 - 10
Aktiviti MAIPk	11 - 14
Keratan Akhbar	15
Program Agihan Zakat Pembangunan Sosial	16



Edisi 5 | 2025 | Bilangan 54

WADAH

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak

3

RM5.5 JUTA DIPERUNTUKKAN UNTUK PERKASA USAHAWAN ASNAF

IPOH, 5 Ogos 2025 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) terus komited dalam memperkasa golongan asnaf melalui penganjuran Majlis Penyerahan Kelengkapan Perniagaan Usahawan Program Pemerkasaan Asnaf (PROPER A) Tahun 2025 yang berlangsung di Galasa Vetro Hall, Ipoh.

Majlis disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK, Syamsul Hazeman bin Md Salleh, sebagai simbolik komitmen MAIPK dalam memperkukuh agenda pembangunan sosioekonomi asnaf di negeri Perak. Pada tahun ini, MAIPK memperuntukkan sebanyak RM5.5 juta bagi pelaksanaan program keusahawanan yang dirancang secara strategik bagi memastikan impak maksimum kepada para peserta.

Program PROPER A 2025 mengetengahkan pendekatan lebih dinamik merangkumi empat bidang utama pembangunan usahawan, membabitkan seramai 70 peserta dalam bidang seperti baik pulih telefon pintar secara bergerak, gunting rambut bergerak, francais minuman kopi dan francais Roti Kaya Junus.

Bagi konsep perniagaan bergerak, peserta menerima motosikal lengkap bersama kit perniagaan, manakala peserta francais menerima sokongan menyeluruh daripada jenama francais yang diyakini, sekali gus memudahkan urusan operasi dan pemasaran. Langkah ini merupakan antara inisiatif inklusif MAIPK dalam memastikan golongan asnaf bukan sahaja menerima bantuan, malah mampu berdikari serta menyumbang kembali kepada pembangunan ekonomi ummah.



MAIPK LANCAR PROGRAM USAHAWAN PAYUNG ASNAF (UPAYA) TAHUN 2025



IPOH, 5 Ogos 2025 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) terus komited memperkasa golongan asnaf melalui inisiatif terbaharu iaitu Program Usahawan Payung Asnaf (UPAYA). Majlis pelancaran disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK, Syamsul Hazeman bin Md Salleh. Program UPAYA diperkenalkan khusus bagi membantu 60 peserta asnaf menjalankan aktiviti perniagaan dalam bidang makanan. Setiap peserta akan menerima bantuan menyeluruh merangkumi peralatan perniagaan, latihan intensif, sesi pemantauan dan bimbingan berterusan.

Inisiatif ini menyasarkan golongan peniaga kecil yang sedang berusaha keluar daripada belenggu pendapatan rendah, dengan harapan mereka mampu menjana pendapatan lebih stabil bagi menampung keperluan keluarga. MAIPK berharap agar segala bentuk bantuan yang disalurkan dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh para peserta.

Program ini bukan sekadar memberi peluang berniaga, malah bertujuan mencetuskan perubahan menyeluruh dalam kehidupan peserta, agar mereka bukan hanya kekal sebagai penerima zakat, tetapi mampu menjadi penyumbang zakat dan ikon kejayaan kepada asnaf lain di masa hadapan. Pelaksanaan program seperti UPAYA dan PROPER A merupakan antara usaha berterusan MAIPK dalam memperkukuh ekosistem keusahawanan asnaf secara menyeluruh di negeri Perak.



DARI DAPUR LATIHAN KE PENTAS GEMILANG, BELIA ASNAF TVET MAIPK RAI PENGIKTIRAFAN TERTINGGI



IPOH, 9 Ogos 2025 - Menjadi detik bersejarah buat anak-anak asnaf apabila Majlis Graduasi Haaza Centre of Excellence 2025 telah berlangsung dengan penuh gilang-gemilang di Dewan Konvensyen, Hotel Casuarina@Meru, Ipoh. Majlis disempurnakan oleh YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Saarani bin Mohamad.

Seramai 25 belia asnaf yang mengikuti latihan di Haaza Centre of Excellence berjaya menamatkan pengajian dalam bidang Penyediaan dan Pembuatan Makanan serta Pembuatan Pastri dengan kelulusan cemerlang. Majlis ini bukan sekadar meraikan mereka yang tamatnya pengajian, malah menjadi titik permulaan kepada perjalanan mereka sebagai chef dan tenaga mahir dalam industri makanan, bersedia mewarnai dunia kulineri dengan rasa dan kreativiti tersendiri.

Sebagai sebuah akademi kulineri berteraskan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET), Haaza Centre of Excellence komited melahirkan generasi pelatih yang cekap, berintegriti dan bersedia menghadapi cabaran industri makanan serta hospitaliti. MAIPK melalui Bahagian Pemerkasaan Asnaf telah membelanjakan sebanyak RM500,000.00 bagi menaja sepenuhnya pengajian 25 belia asnaf ini, sekali gus membuktikan bahawa golongan asnaf juga berupaya melakar masa depan yang gemilang.

Pelajar tajaan MAIPK, Nur Shazeren Iskandar bin Saharudin (Penyediaan dan Pembuatan Makanan) turut dinobatkan sebagai Pelatih Terbaik. Majlis turut dihadiri oleh Ketua Pegawai Pengurusan MAIPK, Tuan Haji Bakri bin Lee dan Pengurus Besar Bahagian Pemerkasaan Asnaf, Amirudin bin Osman. Syabas graduan MAIPK ! Semoga kejayaan ini terus menjadi inspirasi kepada semua untuk berani bermimpi, berusaha tanpa henti, dan membuktikan bahawa tiada batas untuk berjaya



LEBIH RM56,000 BANTUAN DISALURKAN, MAIPK SANTUNI ASNAF MISKIN, WARGA EMAS & OKU DI KUALA KANGSAR



KUALA KANGSAR, 7 Ogos 2025 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) menerusi Program Ziarah Asnaf terus menzahirkan komitmen dalam menyantuni golongan asnaf yang memerlukan melalui penyaluran pelbagai bentuk bantuan demi meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan mereka.

Turut bersama dalam program ini ialah Ketua Pegawai Operasi MAIPK, Wan Maizura binti Wan Zahari; Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat, Suhaimi bin Yusoff; Pengurus Besar Bahagian Komunikasi Strategik, Sekretariat dan Adat Melayu, Munawir bin Mohamad Noh serta Pengurus Besar Zon Timur, Zul-Azri bin Hosaini.

Program ini memfokuskan lawatan ke kediaman lima penerima bantuan di sekitar daerah Kuala Kangsar yang terdiri daripada golongan asnaf miskin, warga emas dan individu berkeperluan khas (OKU). Setiap kunjungan bukan sahaja bertujuan menyampaikan sumbangan, bahkan memberikan sokongan moral serta memastikan kebajikan para asnaf terus terbela.

Jumlah keseluruhan bantuan yang disalurkan dalam program ini mencecah RM56,445.50. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM35,000.00 diperuntukkan bagi bantuan bina rumah, RM7,500.00 bagi bantuan modal berupa mesin pemproses dodol, manakala selebihnya merangkumi pembekalan keperluan perubatan seperti lampin pakai buang, susu khas dan ubat-ubatan.

Program ini mencerminkan usaha berterusan MAIPK dalam memperkasa ekonomi golongan asnaf dan memastikan tiada kelompok yang terpinggir daripada menerima perhatian dan bantuan yang sewajarnya. MAIPK akan terus mempergiat pelaksanaan pelbagai inisiatif kebajikan agar manfaat zakat dapat diagihkan secara adil, menyeluruh dan berimpak tinggi kepada mereka yang benar-benar memerlukan.





DARI RUMAH KE RUMAH, MAIPK DEKATI ASNAF DI GERIK

GERIK, 19 Ogos 2025 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) Cawangan Gerik meneruskan komitmen menyantuni golongan asnaf melalui Program Ziarah Asnaf dan Penyerahan Bantuan di sekitar daerah Gerik. Program ini memastikan bantuan zakat disampaikan terus kepada mereka yang memerlukan, di samping memberi ruang kepada pihak MAIPk untuk mendengar sendiri keperluan serta permasalahan penerima.

Sebanyak enam buah rumah asnaf diziarahi dengan jumlah keseluruhan bantuan RM119,977.60. Pelbagai bantuan disalurkan, termasuk bantuan perubatan, peralatan keperluan asas, modal perniagaan, bantuan kewangan bulanan serta bantuan bina rumah baharu.

Penyerahan bantuan disempurnakan oleh Orang Besar Jajahan Hulu Perak, YDH. Toh Muda Orang Kaya Kaya Seri Adika Raja Shahbandar Muda Dato' Ar. LA Meor Roslan bin Dato' Seri Hj. Meor Ahmad Rashid. Turut hadir Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat MAIPk, Suhaimi bin Yusoff; Penghulu Mukim Kenering, Syed Mohamad 'Ammaruddin bin Sayd Bekari; Penghulu Mukim Kerunai, Sharil Ariff bin Tun Ahmad; Penghulu Mukim Gerik, Ananthirawit A/L Prawat serta para pekhidmat MAIPk dari Ibu Pejabat dan Cawangan Gerik.

Program ini membuktikan keprihatinan MAIPk dalam memastikan zakat yang ditunaikan oleh umat Islam di Negeri Perak diagihkan kepada mereka yang benar-benar berhak. Selain meringankan beban kewangan, inisiatif ini turut membantu meningkatkan kualiti hidup penerima melalui penyediaan kemudahan asas dan persekitaran tempat tinggal yang lebih baik.



MAIPK TAJA 49 ASNAF KURSUS GAS PIPE INSULATION BERJUMLAH RM475,300.00



IPOH, 17 Ogos 2025 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) terus mengorak langkah dalam memperkasa kemahiran golongan asnaf melalui penganjuran program latihan industri. Seramai 49 orang peserta memulakan pengajian dalam Kursus Gas Pipe Insulation yang berlangsung selama 1 bulan di Akademi Binaan Malaysia Wilayah Timur, Jenagor, Terengganu.



MAIPK menyalurkan tajaan dana zakat berjumlah RM9,700.00 bagi setiap peserta, yang meliputi yuran latihan, elaun sara diri dan elaun mula kerja. Secara keseluruhannya, jumlah tajaan yang disalurkan MAIPK bagi kursus ini adalah sebanyak RM475,300.00.

Kursus ini diharap dapat membuka peluang kerjaya yang lebih luas dalam sektor pembinaan dan penyelenggaraan, sekali gus memberi impak positif terhadap peningkatan taraf ekonomi peserta dan keluarga mereka.

MAIPK ANGKAT USAHAWAN OKU PENGLIHATAN

MERU, 25 Julai 2025 - Seramai sembilan pelajar tajaan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) telah diraikan dalam Majlis Penghargaan & Penyampaian Sijil Program Asasi Sains Perubatan Sesi 2024/2025 anjuran Universiti Kuala Lumpur Royal College of Medicine Perak (UniKL RCMP), yang diadakan di Hotel Casuarina, Meru.

Majlis telah disempurnakan oleh Timbalan Presiden (Akademik & Teknologi) UniKL, Prof. Dr. Kushsairy bin Abdul Kadir. Turut hadir, Ketua Eksekutif merangkap Ketua Kampus UniKL RCMP, Hisshamuddin bin Omar, serta wakil MAIPK, Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat, Suhaimi bin Yusoff.

Kesemua pelajar ini telah berjaya menamatkan Program Asasi Sains Perubatan selama setahun dengan jumlah keseluruhan tajaan sebanyak RM192,930.00, yang dibiayai sepenuhnya menggunakan dana zakat melalui Skim Bantuan Dermasiswa Profesional Zakat MAIPK.

Inisiatif ini membuktikan komitmen MAIPK dalam memperkasa pendidikan anak-anak asnaf melalui agihan zakat secara strategik, bagi membuka peluang ke arah masa depan yang lebih cerah dan berdaya saing. Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada para pelajar atas pencapaian ini. Semoga kejayaan ini menjadi pemangkin untuk melangkah lebih jauh dalam bidang perubatan, sekali gus menyumbang kembali kepada masyarakat dan ummah.





KONVOKESYEN GEMILANG GRADUAN TVET ASNAF MAIPK: BUKTI TVET BUKAN PILIHAN TERAKHIR

KULIM, 3 Ogos 2025 - Majlis Anugerah "Menjulung Aspirasi, Menjunjung Impian" anjuran Kulim Advanced Technologies (KTechno) dengan kerjasama KHTP Skills Centre telah berlangsung di Kulim Golf Club bagi meraikan pencapaian cemerlang graduan TVET asnaf yang ditaja sepenuhnya oleh MAIPK.

Majlis disempurnakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Raja Muda Kedah, Tengku Sarafudin Badlishah Ibni Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin, yang berkenan mencemar duli menyampaikan sijil kepada graduan dan menitipkan inspirasi agar mereka terus berusaha memecahkan sempadan kemiskinan melalui ilmu dan kemahiran.

Pada penghujung tahun 2024, seramai 25 orang belia asnaf telah berjaya menamatkan Pensijilan Automasi Industri, dan kini bergelar tenaga kerja mahir dalam sektor perkilangan. Ianya memberi bukti nyata bahawa dengan sokongan dan peluang yang tepat, golongan asnaf mampu melakar masa depan gemilang.

Majlis tersebut turut dihadiri oleh Pengurus Besar Bahagian Pemerkasaan Asnaf, Amirudin bin Osman. Kehadiran MAIPK dalam majlis ini bukan sekadar simbol sokongan, malah menjadi bukti bahawa MAIPK sentiasa bersama para asnaf, ketika mereka memulakan langkah, menghadapi cabaran, dan akhirnya meraikan kejayaan.

Kesudian DYTM Tuanku Raja Muda Kedah menyantuni Asnaf membuktikan asnaf juga layak untuk diberi pengiktirafan tertinggi setara golongan lain. MAIPK terus komited melahirkan generasi asnaf yang berdikari, berkemahiran tinggi, dan bersedia menyahut cabaran industri moden.

Menjulung Aspirasi, Membuka Jalan Kejayaan!



SEMINAR MOTIVASI DAN HALATUJU USAHAWAN MAIPK SIRI 2/2025

IPOH, 15 Ogos 2025 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) terus komited memperkasa ekonomi asnaf dengan menganjurkan Seminar Motivasi dan Halatujau Usahawan MAIPK Siri 2/2025 selama tiga hari, bermula 15 hingga 17 Ogos 2025. Seminar ini memberi penekanan kepada topik-topik penting dalam keusahawanan seperti perlindungan perniagaan, pengurusan kewangan, percukaian, pembayaran zakat, serta penghayatan konsep keberkatan dalam perniagaan.

Program bertujuan untuk meningkatkan kebolehan, kemahiran dan produktiviti para peserta agar mereka menjadi usahawan yang berilmu, berdikari, berdaya tahan dan berdaya saing. Seramai 40 orang usahawan terpilih di bawah Program Pemerkasaan Ekonomi Asnaf (PROPER A) tahun 2025 telah menyertai seminar ini.

MAIPK menyasarkan agar para usahawan PROPER A bukan sahaja beroleh kejayaan dalam perniagaan, tetapi turut menjadi pembayar zakat serta bersedia mengembangkan perniagaan mereka ke tahap yang lebih tinggi dan mapan. Majlis penutup disempurnakan oleh Pengurus Besar Bahagian Pemerkasaan Asnaf MAIPK, Amirudin bin Osman.



LAWATAN PENANDA ARAS JABATAN PEGUAM BESAR NEGERI SARAWAK KE MAIPK



IPOH, 6 Ogos 2025 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) telah menerima kunjungan lawatan penanda aras daripada delegasi Jabatan Peguam Besar Negeri Sarawak yang diketuai oleh Peguam Kanan Negeri, Hisyamudin bin Roslan.

Lawatan bertujuan untuk mendapatkan perkongsian berkenaan tatacara pengurusan kes-kes pengisytiharan status agama Islam oleh pihak MAIPK, khususnya dari aspek perundangan dan pengurusan institusi agama negeri.

Delegasi telah disambut oleh Ketua Pegawai Operasi MAIPK, Wan Maizura binti Wan Zahari, bersama Pengurus Besar Bahagian Hal Ehwal Korporat, Rohizan bin Omar serta Pengurus Besar Bahagian Komunikasi Strategik, Sekretariat dan Adat Melayu, Munawir bin Mohamed Noh.

Sesi lawatan ini turut membuka ruang perbincangan dua hala serta pertukaran pandangan antara kedua-dua pihak mengenai prosedur dan amalan terbaik dalam pengurusan kes-kes berkaitan pengisytiharan status agama Islam.



KUNJUNGAN HORMAT UTP : PERKASA AGENDA ZAKAT & WAKAF BERSAMA MAIPK



IPOH, 12 Ogos 2025 - Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK), Syamsul Hazeman bin Md Salleh menerima kunjungan hormat daripada delegasi Universiti Teknologi PETRONAS (UTP) yang diketuai oleh Presiden & CEO UTP, Ir. M Firouz Asnan.

Kunjungan ini bertujuan memperkenalkan Ahli Jawatankuasa baharu Tabung Amanah Zakat UTP (TAZU), membincangkan cadangan penstrukturan pengurusan zakat UTP serta hasrat UTP untuk mewujudkan dana wakaf tunai. Semoga pertemuan ini menjadi permulaan kerjasama strategik dalam memperkukuh pengurusan zakat dan wakaf demi manfaat ummah.





Edisi 5 | 2025 | Bilangan 54

WADAH

Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak

11

AKTIVITI MAIPk



1 Ogos 2025 - Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Syamsul Hazeman bin Md Salleh menerima kunjungan hormat daripada delegasi Lagenda Properties untuk memberikan sumbangan CSR kepada MAIPk bagi program bantuan pelajaran. Delegasi tersebut diketuai oleh Pengurus Perhubungan Awam, Wan Zakiah Wan Yacob di Kompleks Islam Darul Ridzuan.



4 Ogos 2025 - Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Syamsul Hazeman bin Md Salleh menerima kunjungan hormat daripada delegasi Jemaah Pengurusan At-Ta'alim. Delegasi tersebut diketuai Pengerusi Pembangunan Pengurusan At-Ta'alim, Osman bin Uyob di Kompleks Islam Darul Ridzuan.



4 Ogos 2025 - Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Syamsul Hazeman bin Md Salleh menerima kunjungan hormat daripada delegasi Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM) yang diketuai oleh Ketua Divisyen Kewangan Azhar bin Ahmad Zaki. Kunjungan hormat bertujuan membincangkan kerjasama strategik bagi pelaksanaan program yang melibatkan keusahawanan serta pendidikan kemasyarakatan antara MAIPk dan YAPEIM.

AKTIVITI MAIPk



6 Ogos 2025 - Ketua Pegawai Operasi MAIPk, Wan Maizura binti Wan Zahari menerima kunjungan hormat daripada delegasi Teraju Ekonomi Asnaf Sdn. Bhd. (TERAS) yang diketuai oleh Pengurus Sektor Khidmat Pengurusan, Muhammad Sayifullah bin Masiron. Sesi perbincangan dua hala diadakan bagi meneroka potensi kerjasama strategik dalam usaha memperkasa ekonomi golongan asnaf melalui pelaksanaan program pembangunan keusahawanan dan peningkatan kemahiran.



6 Ogos 2025 - Satu sesi perjumpaan antara Atase Pendidikan Negeri Perak, Johar bin Zainal Abidin dan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, YB Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim telah berlangsung di Bangunan Perak Darul Ridzuan. Perjumpaan bertujuan memperkukuh kerjasama strategik serta membincangkan hal ehwal pendidikan dan kebajikan pelajar Perak di luar negara, khususnya penerima tajaan MAIPk. Hadir sama Syamsul Hazeman bin Md Salleh, Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk dan Bakri bin Lee, Ketua Pegawai Pengurusan MAIPk.



6 Ogos 2025 - Pengurus Besar Bahagian Hal Ehwal Korporat, Rohizan bin Haji Omar menerima kunjungan hormat daripada delegasi MyAqsa yang diketuai oleh Pengerusi MyAqsa, Suwardi bin Yaacob. Kunjungan hormat ini pertemuan penuh makna membuka ruang perbincangan ke arah menjalin kerjasama strategik antara MAIPk dan MyAqsa dalam mempertahankan agama Islam demi masa depan ummah.



7 Ogos 2025 - Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Syamsul Hazeman bin Md. Salleh menerima kunjungan hormat daripada Pengarah Pusat Koreksional Batu Gajah (PKBG), PKP S. Tanabal A/L Sockling bersama delegasi bagi membincangkan kerjasama strategik dan penghargaan atas sumbangan MAIPk. Kerjasama ini mencerminkan komitmen MAIPk dalam memperluas jaringan pemerikasaan asnaf serta mendukung inisiatif pemulihan berasaskan nilai Islam, seterusnya memberi harapan baharu kepada insan yang memerlukan peluang kedua.



AKTIVITI MAIPK



11 Ogos 2025 - Pengurus Besar MAIPk Zon Barat, Mohd Latiff bin Talib berkesempatan menyantuni para pengunjung serta mendengar sendiri pandangan dan maklum balas yang dikongsikan pada Program Mesra Hari Bertemu Pelanggan Kerajaan Negeri Perak Siri 6/2025 di Dewan MPTI, Langkap.



11 Ogos 2025 - Pengurus Besar Bahagian Komunikasi Strategik, Sekretariat & Adat Melayu, Munawir bin Mohamad Noh mengetuai lawatan MAIPk ke Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu di Kuala Lumpur. Lawatan ini antara langkah untuk mewujudkan galeri MAIPk pada masa hadapan.



12 Ogos 2025 - Pengurus Besar Bahagian Komunikasi Strategik, Sekretariat & Adat Melayu, Munawir bin Mohamad Noh mengetuai lawatan MAIPk ke Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor. Semoga kunjungan ini memberikan manfaat dalam usaha memelihara seni dan warisan budaya negeri Perak.



12 Ogos 2025 - Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Syamsul Hazeman bin Md Salleh menerima kunjungan hormat daripada delegasi Universiti UCSI yang diketuai oleh Pengarah Projek Khas, Pusat Pengambilan Pelajar, Mohamad Adnan bin Itam. Pertemuan membincangkan potensi pengambilan pelajar asnaf ke program pengajian dan latihan di UCSI, khususnya dalam bidang penjagaan kesihatan, perubatan dan kemahiran teknikal.

AKTIVITI MAIPk



14 Ogos 2025 - Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat, Suhaimi bin Yusoff menerima kunjungan hormat daripada delegasi Mydin Mohamed Holdings Bhd yang diketuai oleh Penolong Pengurus, Jabatan Pengurusan Perhubungan Pelanggan, Mohd Tarmizi bin Mustafaha. Pertemuan yang berlangsung menjadi wadah jalinan kerjasama strategik antara kedua-dua pihak pada masa hadapan.



15 Ogos 2025 - Sempena Majlis Peluncuran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2025 Peringkat Negeri Perak di Bulatan Sultan Azlan Shah, Meru, perkhidmatan Mobile MAIPk turut serta memberikan perkhidmatan gunting rambut bergerak dan baik pulih telefon pintar kepada masyarakat serta Bahagian Agihan Zakat MAIPk menjayakan kaunter pertanyaan agihan.



20 Ogos 2025 - Pengurus Besar Bahagian Pemerkasaan Asnaf, Amirudin bin Osman mengetuai Sembang Santai Program TVET MAIPk bersama Akademi Binaan Malaysia di Dewan Al-Ghazali, Kompleks Islam Darul Ridzuan.



31 Ogos 2025 - MAIPk menyertai perarakan Sambutan Hari Kebangsaan Ke-68 Peringkat Negeri Perak Tahun 2025. Semoga Malaysia yang kita kasihi terus diberkati dan dirahmati dengan kesejahteraan serta keamanan yang berkekalan.



PROGRAM AGIHAN ZAKAT PEMBANGUNAN SOSIAL

مَجْلِسُ اَسْنٰفِ اِسْلَامٍ
دَارُ الْعَدَدِ مَلَايُوْا فِرَاڠْ

نَكْبَرِيَّةٌ
دَارُ الرِّضْوَانِ ١٤٤٦ هـ / ٢٠٢٥ م

HARI RAYA

Asnaf: Fakir dan Miskin



KECEMASAN SEGERA

Asnaf: Fakir, Miskin dan Muallaf

PERJALANAN DOMESTIK

Asnaf: Ibnu Sabil

BANK MAKANAN

Asnaf: Fakir dan Miskin

KEWANGAN BULANAN

Asnaf: Fakir, Miskin dan Muallaf

PENYELESAIAN HUTANG

Asnaf: Ghorimin